



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepc.com



**SIGNIFIKASI KEUNIKAN DIVERSITI BUDAYA MASYARAKAT
MAJMUK DISULAMI KEHARMONIAN, DISANTUNI
PERPADUAN SEBAGAI NILAI TAMBAH KEPERCAYAAN
KELUARGA DAN PEMANGKIN DIASPORA PELAJAR
ANTARABANGSA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE
MALAYSIA**

*THE UNIQUE SIGNIFICANCE OF CULTURAL DIVERSITY IN A PLURAL
SOCIETY EMBROIDERED WITH HARMONY, COURTESY UNITY AS AN ADDED
VALUE FAMILY TRUST AND A CATALYST FOR THE DIASPORA OF
INTERNATIONAL STUDENTS TO STUDY IN MALAYSIA*

Irma Wani Othman^{1*}, Muhammad Safuan Yusoff^{2*}, Mohd Kamal Mohd Shah^{3*}, Saifulazry Mokhtar⁴,
Abang Mohd. Razif Abang Muis⁵, Syamsul Azizul Marinsah⁶, Mazdi Marzuki⁷

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

² Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah
Email: safuan_y@yahoo.com

³ Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah
Email: mkamalms@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

⁷ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

To cite this document:

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Shah, M. K. M., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga Dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (39), 01-28.

DOI: 10.35631/IJEPC.639001.**This work is licensed under [CC BY 4.0](#)****Abstrak:**

Latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa, agama, dan dilimpahi dengan kekayaan budaya yang wujud hasil dari keunikan masyarakat majmuk, merupakan aset vital pemangkin diaspora pelajar antarabangsa. Manakala pemilihan destinasi pengajian turut dipengaruhi secara signifikan oleh struktur sosial seseorang individu. Tuntasnya, kertas kerja ini memberi kefahaman berhubung signifikasi multi budaya dan konsensus keluarga sebagai sandaran pembuatan keputusan belajar ke luar negara. Pelibatan empat buah universiti awam ditentukan berdasarkan klasifikasi dan status universiti, latar belakang sejarah penubuhan universiti, persekitaran sosio politik serta populasi pelajar antarabangsa yang berdaftar di setiap satu universiti berkenaan. Kaedah temu bual mendalam dilakukan ke atas 40 pelajar antarabangsa telah menghasilkan data empirikal, seterusnya diproses secara analisis induktif. Transkripsi rakaman audio ditukarkan ke dalam bentuk teks bagi pengkategorian tema melalui proses pengekodan. Hasil dapatan membuktikan keputusan memilih Malaysia bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh multi budaya masyarakat majmuk. Keunikan diversiti budaya Malaysia yang disulami dengan keharmonian dan disantuni oleh perpaduan telah memberi nilai tambah kepercayaan keluarga serta diri pelajar sendiri dalam menangani proses asimilasi persekitaran baru yang berbeza dari negara asal. Penemuan baru sumbangan kajian ini merujuk perkaitan di antara tema budaya dengan keseronokan mengembawa, peluang mendalamai budaya tempatan dan persekitaran pembelajaran kondusif sebagai elemen dominan menguji kemampuan pelajar beradaptasi dengan baik dalam sebuah persekitaran asing. Pendekatan kertas kerja ini mengutilasi data empirikal sebagai asas perbincangan. Pengaplikasian seleksi naratif dialog asal yang dipetik dari informan kajian, dipersembahkan bagi memberi gambaran sebenar pengalaman asimilasi pelajar antarabangsa. Kesalinghubungan tersebut turut boleh dimanfaatkan sebagai garis panduan pengurusan universiti agar peka terhadap implikasi multi budaya dan konsensus keluarga terhadap keputusan pengajian pelajar ke luar negara.

Kata Kunci:

Universiti Awam Malaysia, Pelajar Antarabangsa, Multi Budaya, Keluarga, Keputusan Belajar Luar Negara

Abstract:

Malaysia's background as a multi-racial, multi-religious country, and overflowing wealth that exists as a result of the uniqueness of a plural society, is a vital asset that catalyses the international student diaspora. The choice of study destination is also significantly influenced by the social structure of an individual. In conclusion, this paper provides an understanding of the significance of multiculturalism and family consensus as the basis for decision-making to study abroad. The involvement of four public universities is determined based on the classification and status of the university, the historical background of the establishment of the university, the socio-political environment, and the population of international students registered at each university. In-depth interviews conducted on 40 international students have produced empirical data, which is then processed by inductive analysis. Transcripts of audio recordings are converted into text form for theme categorisation through an encoding process. The findings prove that the decision to choose Malaysia is not solely influenced by the multicultural society. The uniqueness of Malaysia's cultural diversity embroidered with harmony and courtesy of unity has added value to the confidence of the family

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

as well as the students themselves in dealing with the process of assimilation of a new environment that is different from the country of origin. The new findings of this study refer to the relationship between cultural themes with the pleasure of travelling, opportunities to immerse themselves in local culture, and conducive learning environment as the dominant element of testing student's ability to adapt well in a foreign environment. This paper's approach utilises empirical data as the basis of the discussion. Application of a selection of original dialogue narratives taken from informants presented to give a true picture of the assimilation experience of international students. The connection of these aspects can also be used as a guideline for university management to be sensitive to the implications of multiculturalism and family consensus on the results of student's studies abroad.

Keywords:

Malaysian Public Universities, International Students, Multi-Cultural, Family, Study Abroad Decisions

Pengenalan

Fenomena globalisasi mengunjur perubahan jendela pendidikan tinggi negara beralih arah kepada pendarasan ekonomi berdasarkan pengetahuan (MOHE, 2018). Jaringan prihatin pembentukan Model Ekonomi Baharu (2010) pada awalnya diperkenalkan dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi. Inisiatif tersebut sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam mempertingkatkan daya saing negara dan melahirkan graduan minda kelas pertama. Tuntasnya, Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (2013-2025) menyaksikan kerajaan mengambil langkah drastik dengan memperuntukkan pada tahun 2015, sebanyak RM56 bilion melalui bajet perbelanjaan negara yang memfokuskan usaha membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) (MOHE, 2018). Kesalinghubungan dasar awam negara tersebut disulami dengan usaha gigih merangka persediaan bagi memastikan Malaysia mencapai wawasan hab kecemerlangan pusat pendidikan tinggi di persada dunia menjelang tahun 2025.

Laporan UNESCO (2015) bertajuk *Higher Education Asia: Expanding Up, Expanding out*, mengklasifikasikan lima faktor dominan merangsang golongan pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi. Justifikasi kajian berkenaan melaporkan elemen-elemen seperti multi budaya masyarakat majmuk Malaysia, pembiayaan pengajaran berpatutan di universiti Malaysia, tahap kualiti kehidupan yang baik, penyelenggaraan sara hidup yang rendah dan kelestarian usaha memperkasa Bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan di universiti awam Malaysia (Irma Wani (2021d). Dalam konteks tersebut elemen multi budaya masyarakat berbilang bangsa di negara ini telah menduduki tangga teratas ke atas alasan pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian.

Sekali lagi, kaji selidik oleh *QS Best Student Cities* 2017 melaporkan Kuala Lumpur merupakan sebuah Bandaraya yang menawarkan peluang penerokaan budaya yang menarik, selain dari menawarkan kepelbagaiannya program pengajaran berkualiti (Portal *New Straits Times*, 2017). Kualiti pendidikan tinggi negara terbukti mencapai piawai antarabangsa apabila memperoleh pengiktirafan berada dalam liga dunia sebagai 11 program yang tersenarai di

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions tangga ke 50 terbaik dunia (Portal Awani, 2017). Pencapaian membanggakan tersebut memperlihatkan kualiti pendidikan tinggi Malaysia berada pada kelas tersendiri dan mampu bersaing setanding dengan negara maju (Berita Harian, 2017).

Enrolmen pelajar antarabangsa universiti awam Malaysia memperlihatkan peningkatan ketara apabila sistem pendidikan negara memasarkan pelbagai program pengajian komprehensif bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan semasa. Jadual 1 mempersembahkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berhubung bilangan pelajar antarabangsa Malaysia bagi tahun 2014 sehingga 2019. Terdapat seramai 32,404 pelajar antarabangsa yang berdaftar di universiti awam bagi tahun 2019. Jumlah tersebut merangkumi seramai 22,172 pelajar lelaki dan 10,232 pelajar perempuan. Secara perbandingan tahun 2014 mencatat seramai 27,042 pelajar iaitu terdiri dari 18,420 pelajar lelaki dan baki seramai 8,625 pelajar perempuan. Wujud peningkatan bilangan pelajar antarabangsa seramai 5,362 orang sepanjang tempoh lima tahun tersebut.

Jadual 1: Enrolmen Pendaftaran Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia Berdasarkan Gender (Tahun 2007-2019)

Tahun	Pelajar Antarabangsa Lelaki	Pelajar Antarabangsa Perempuan	Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa
2014	18,420	8,625	27,042
2015	17,842	8,563	26,404
2016	17,760	8,064	25,824
2017	18,824	8,942	27,766
2018	21,010	9,331	30,341
2019	22,172	10,232	32,404

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik> (Dari tahun 2014-2019)

Sorotan Literatur

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang giat memperkasa dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi, peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa dari setiap pelusuk dunia, pelbagai latar belakang agama, budaya dan bangsa telah merubah status universiti negara bersifat diversiti dan berprestij (Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a). Keterkaitan fenomena kebanjiran pelajar antarabangsa secara global memberi kelebihan bukan sahaja kepada negara dalam aspek penjanaan ekonomi. Pelajar tempatan dikatakan turut memperoleh kelangsungan kemandirian positif melalui kehadiran pelajar antarabangsa.

Diaspora pelajar antarabangsa ke dalam sistem pendidikan tinggi negara telah membuka peluang bagi pelajar tempatan bersama-sama melalui pengalaman silang budaya, seyogia berkongsi pengalaman dengan meningkatkan kemahiran berinteraksi dengan pelajar antarabangsa (Gresham, 2013; Dora *et al.*, 2014; Arkoudis dan Baik, 2014; Li dan Zizzi, 2018). Justeru itu, bagi memastikan kelestarian pelajar antarabangsa, pihak pentadbiran universiti mengatur strategi mewujudkan persekitaran selesa dan terjamin (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan, Norazah, Hasbullah & Herlina, 2017c; Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan & Hasbullah, 2018).

Sorotan literatur bagi kertas kerja ini dibina bagi mengkaji signifikasi multi budaya negara tuan rumah dan konsensus keluarga dalam mempengaruhi keputusan pelajar melanjutkan pengajian tinggi di luar negara. Bertitik tolak dari kelangsungan itu, jangkaan pelajar antarabangsa dan keluarga mereka terhadap persekitaran belajar kondusif universiti awam Malaysia disulami dengan kepelbagaian budaya, diharapkan dapat memberi pengalaman bermakna. Ini lantas menjadikan pemilihan universiti awam Malaysia sebagai destinasi pengajian sebagai pilihan yang tepat.

Dua bentuk pendekatan diketengahkan melalui sorotan literatur iaitu pertama, mempersempemangkan sintesis literatur hasil sumbangan sarjana yang terlibat dalam kajian asimilasi diri pelajar antarabangsa dan perkaitan dengan pencapaian prestasi akademik golongan berkenaan. Ini dilakukan menerusi satu sintesis literatur seperti terkandung dalam Jadual 2. Pendekatan yang kedua pula lebih terarah kepada perbincangan melibatkan data empirikal yang disokong dengan seleksi naratif temu bual bersama pelajar yang terpilih dalam kajian ini.

Jadual 2: Sintesis Sorotan Literatur Multi Budaya Negara Tuan Rumah dan Konsensus Keluarga dalam Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsa Belajar di Luar Negara

Sarjana	Sumbangan
Ahmad & Buchanan (2017)	Interaksi budaya adalah pertemuan antara dua budaya yang berbeza dalam kalangan pelajar ketika berinteraksi dan berkomunikasi melalui proses pembelajaran.
Colvin, Fozdar & Volet (2012)	Interaksi budaya adalah proses pembelajaran pertembungan dua budaya.
Falcone (2017); Irma Wani, Herlina, Abu Bakar, Muhammad Safuan & Hasbullah (2018a)	Kejutan budaya berpunca dari perbezaan latar belakang budaya, kekeliruan semasa berhadapan dengan budaya yang begitu asing buat diri mereka.
Gabel, Dolen & Cerdin, (2013); Tian & Lowe, (2014)	Budaya tidak dilihat sebagai faktor utama mempengaruhi keputusan pelajar ke luar negara, lantas mencadangkan sebahagian dari aspek budaya wajar dilihat sebagai pertimbangan wajar sebelum sebarang pembuatan keputusan dilakukan.
Gabel, Dolen & Cerdin (2013); Glass & Westmont (2014); Lee & Ciftci (2014)	Latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa, agama serta budaya, menjadikan pengenalan kepada silang budaya suatu inisiatif proaktif bagi universiti membolehkan pelajar antarabangsa tidak mengalami kejutan budaya.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Greeshan (2013); Arkoudis & Baik, (2014)

Pelajar antarabangsa perlu bijak menyesuaikan diri, mengadaptasikan budaya baru demi menjamin pengekalan keberadaan di negara tuan rumah.

Hwang, Martirosyan & Moore (2016); Cowley & Sekasi, (2018)

Menerusi program silang budaya anjuran universiti semasa minggu suai mesra dilihat sebagai usaha membantu pelajar antarabangsa menerokai dan mempelajari budaya masyarakat tempatan. Perkara sebegini relevan bagi memberi pendedahan dan laluan mudah kepada pelajar antarabangsa untuk menerima budaya serta dapat beradaptasi di persekitaran baru.

Herlina, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan, Hasbullah & Rudy Adie (2017); Irma Wani, Herlina & Norazah (2019a)

Pelajar antarabangsa peringkat prasiswazah memilih ibu bapa dan rakan-rakan sebagai sumber utama informasi proses pembuatan keputusan melanjutkan pengajian ke luar negara.

Irma Wani, Hasbullah, Muhammad Safuan & Herlina (2017b); Glass & Westmont (2014)

Kejayaan interaksi antara budaya lebih mudah dicapai jika keserasian dapat diwujudkan dengan menerima persamaan dan perbezaan budaya sesama mereka dan bersikap yang lebih positif.

Irma Wani, Herlina, Hasbullah & Muhammad Safuan (2017a); Irma Wani, Muhammad Safuan, Abu Bakar, Hasbullah & Herlina, (2018b); Ahmad & Buchanan (2017); Sana, Amrita & Rosna (2018)

Faktor keselamatan di negara tuan rumah menjadi pertimbangan ibu bapa dan keluarga sebelum mengizinkan anak mereka melanjutkan pengajian di luar negara. Kestabilan politik, tiada diskriminasi kulit dan bangsa, kadar pengangguran rendah, kebebasan bersuara dan tiada perperangan dalam negara adalah faktor penarik pelajar ke sesebuah negara.

Irma Wani, Herlina & Norazah (2019b)

Keberkesanan interaksi silang budaya dan keserasian berjaya dipupuk sekiranya terdapat unsur persamaan antara kedua-dua budaya.

Kim, (2015)

Pemahaman tentang dua konsep penting berkenaan iaitu kecerdasan budaya dan emosi mampu menggambarkan proses pelarasan budaya dengan lebih lanjut.

Lee & Ciftci, (2014)

Kepentingan dalam bijak menyesuaikan diri serta mengadaptasi budaya baru menjamin pengekalan keberadaan pelajar antarabangsa di negara tuan rumah

Lee, (2017)

Elemen budaya mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Lee & Morrish (2012); Pimpia (2013); Liu & Morgan (2016)	Selain aspek budaya, pengaruh pihak keluarga merupakan faktor dominan dalam menentukan keputusan melanjutkan pengajian ke luar negara pelajar antarabangsa.
Lewis (2016); Li & Zizzi (2018); Nicholls (2018)	Adaptasi difahami sebagai budaya suatu proses menyesuaikan tingkah laku dan beradaptasi dalam budaya asing, transformasi individu dalam menjalankan hubungan dengan budaya masyarakat tempatan di negara baru.
Morrell <i>et al.</i> , (2013)	Konsep kecerdasan budaya membantu pelajar antarabangsa memahami pelarasan semasa menjalani hidup tempat baru, keupayaan berinteraksi, mengaitkan dan menyesuaikan diri secara berkesan merentasi kepelbagaian budaya yang wujud
Naeeni <i>et al.</i> , (2015); Lewis (2016)	Struktur sosial seperti rakan dan idola menjadi pengaruh utama pembuatan keputusan pelajar antarabangsa.
Newsome & Cooper, (2016); Thomas & Sumathi (2016)	Pandangan keluarga dan rakan sebaya dalam keputusan muktamad pemilihan destinasi universiti menimbulkan pelbagai jenis pengaruh ke atas tingkah laku individu.
Newsome & Cooper, (2016)	Asimilasi silang budaya memperlihatkan usaha individu menyantuni budaya asing dengan tingkah laku dan nilai hidup budaya masyarakat tempatan. Faktor penarik pelajar antarabangsa datang ke negara ini adalah disebabkan oleh keunikan budaya yang ditonjolkan oleh masyarakat Malaysia.
Portal Berita Harian, (2017)	Promosi kebudayaan Malaysia mampu memperkenalkan kekayaan, keunikan budaya masyarakat majmuk dan menjadikan Malaysia sebagai pilihan pelajar antarabangsa.
Portal Berita Harian, (2017)	Pembentukan identiti budaya berbeza dari budaya negara asal terutama menerusi aspek bahasa, makanan, pakaian tradisi dan pesta perayaan. Perkara itu menjadikan pelajar antarabangsa teruja mendalamai budaya setiap bangsa di Malaysia.
Sawir (2014); Hirai, Frazier & Syed (2015)	Konsep kecekapan budaya merujuk kepada pelajar mengimbangi tekanan semasa proses asimilasi diri ke dalam persekitaran dan pembudayaan baru.
Smith & Khawaja (2014)	Peringkat pelarasan budaya, ‘bulan madu’ (<i>honeymoon phase</i>), yang dicirikan oleh perasaan keseronokan dan bersedia untuk memulakan pengembaraan baru. Kepuasan timbul dari perasaan bangga diri di atas pencapaian mereka mendapat peluang untuk melanjutkan pengajian di luar

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
negara. Kebanyakan dari pelajar antarabangsa teruja untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran budaya baru.

Smith & Khawaja (2014)

Peringkat ‘permusuhan’ (*hatred phase*), tidak bertolak ansur terhadap salah faham dan salah tafsiran yang berlaku disebabkan oleh perbezaan budaya baru. Emosi rapuh, kejutan budaya, kekecewaan, kemarahan, kesedihan, kekeliruan, kebimbangan, kemurungan serta mengaitkan masalah kepada faktor luaran. Implikasi kejutan budaya membuatkan pelajar tidak percaya diri, kurang kerjasama bersama rakan tempatan, tiada motivasi dan tidak berminat dalam mengejar matlamat pendidikan mereka.

Smith & Khawaja (2014)

Peringkat ‘rumah’ (*home phase*) dicirikan oleh perasaan pelajar yang mula merasa selesa dengan persekitaran budaya baru. Pelajar mempelajari norma-norma kehidupan baru, menyatukan unsur-unsur budaya asal ke dalam budaya baru.

Smith & Khawaja (2014)

Konsep akomodasi diri diklasifikasikan sebagai sebuah proses dinamika yang mempunyai pelbagai dimensi dan peringkat penyesuaian.

Yan (2017); Lee (2014)

Kurang motivasi interaksi antara budaya menyebabkan kurang keyakinan diri, sifat keterbukaan pelajar antarabangsa berinteraksi dengan pelajar tempatan.

Dengan merujuk Jadual 2, penulis menggunakan perkaitan sorotan literatur dalam menumpukan perbincangan hasil dapatan kajian dengan signifikasi multi budaya negara tuan rumah dan konsensus keluarga dalam mempengaruhi keputusan pelajar melanjutkan pengajian tinggi di luar negara.

Metodologi Penyelidikan

Pendekatan kualitatif diimplementasikan bagi mengkaji diaspora golongan pelajar antarabangsa dengan menerokai pengalaman tahun pertama yang bertunjukan pendorong di sebalik kecenderungan pemilihan universiti awam Malaysia sebagai destinasi pengajian luar negara. Seleksi pilihan ke atas empat buah universiti awam iaitu Universiti I, Universiti II, Universiti III dan Universiti IV mengikut kategori status universiti, latar belakang sejarah penubuhan, jumlah enrolmen pelajar antarabangsa dan inisiatif perlaksanaan dasar pengantarabangsaan universiti yang terpilih. Pengekalan kerahsiaan ke atas identiti informan ialah bagi melindungi penyertaan suka rela dan perkongsian informasi dari pelajar antarabangsa sebagai informan kajian, dan pelibatan universiti telah menggunakan kaedah *pseudonym* dengan menggunakan pernomboran.

Kaedah temu bual semi struktur ke atas 40 orang pelajar antarabangsa bertujuan bagi memperoleh data empirikal yang bertepatan dengan objektif kajian. Kecenderungan untuk mengutilasi kaedah temu bual semi berstruktur adalah bagi membuka ruang kebebasan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
penyelidik menerokai maklum balas pelajar antarabangsa, seterusnya merungkai isu-isu yang relevan. Menerusi analisis induktif transkrip rakaman audio diterjemahkan ke dalam bentuk kandungan teks. Seterusnya pengkategorian tema melalui proses pengekodan dilakukan secara sistematis di mana senarai tema-tema dominan dan sub dominan timbul.

Manakala Jadual 3 merupakan sebuah profil demografi informan kajian yang merujuk tiga variabel utama bagi jantina, umur dan status sama ada berstatus bujang ataupun sudah berkahwin. Pelibatan semua informan kajian tersebut datangnya dari pelajar tahun pertama pengajian Ijazah Sarjana Muda di empat universiti awam Malaysia. Daripada 40 orang pelajar antarabangsa berkenaan, 26 orang merupakan informan kajian lelaki iaitu sebanyak 65.0 peratus. Manakala baki seramai 14 orang informan perempuan bersamaan 35.0 peratus. Majoriti informan kajian ini adalah mereka yang tergolong dalam lingkungan umur di antara 21 sehingga 22 tahun, iaitu seramai 22 orang yang mencatat peratusan sebanyak 55.0 peratus. Informan kajian berusia 23 tahun mencatat bilangan seramai 10 orang dan membawa kepada peratusan sebanyak 25.0 peratus. Sementara itu, informan kajian yang berumur 19 sehingga 20 tahun mencatat bilangan seramai 8 orang bersamaan 20 peratus. Semua informan kajian yang terlibat dalam penyelidikan ini terdiri daripada mereka yang berstatus bujang.

Jadual 3: Profil Demografi Informan Kajian

Variabel	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	26	65.0
Perempuan	14	35.0
<i>Umur (Tahun)</i>		
19-20	8	20.0
21-22	22	55.0
23	10	25.0
<i>Status</i>		
Bujang	30	100.0

Perbincangan Hasil Penyelidikan

Fokus perbincangan hasil dapatan kajian ini merujuk kepada pengalaman bermakna dalam kalangan pelajar antarabangsa apabila mereka mengaitkan aspek multi budaya negara tuan rumah dan konsensus keluarga ke atas keputusan belajar di luar negara. Penemuan baru tiga tema dominan pengalaman bermakna itu dikategorikan sebagai (i) Pengalaman penerokaan budaya baru di negara tuan rumah, (ii) Pengalaman mengasimilasikan diri dengan budaya universiti dan masyarakat kampus (iii) Berpeluang untuk melalui pengalaman bermakna menerokai dunia luar. Sementara itu, dari perspektif struktur sosial keterkaitan pengalaman bermakna yang diharungi oleh pelajar antarabangsa dibincangkan dalam konteks konsensus keluarga dan pengaruh rakan sebaya.

Pengalaman Penerokaan Budaya Baru di Negara Tuan Rumah

Elemen budaya berperanan dalam mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa memilih destinasi pengajian. Faktor tolakan seseorang pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian ke luar negara disebabkan keinginan mendapatkan pengalaman baru serta meneroka budaya negara tuan rumah (Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b; Irma Wani, Muhammad Safuan, Romzi, Mohd Sohaimi, Mohd Kamal, 2020a; Irma Wani, Muhammad Safuan, Syamsul Azizul,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
 Saifulazry, Habibah, Mohd Kamal, 2020b; Irma Wani, Muhammad Safuan, Mohd Kamal, Romzi, Mohd Sohaimi & Halina Sandera, 2021a). Berlatarbelakangkan sebuah negara pelbagai bangsa dan agama, yang mendukung multi budaya dari keunikan masyarakat majmuk telah menempatkan universiti awam Malaysia sebagai tumpuan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian ke luar negara.

Berdasarkan Jadual 3 terdapat 34 dari 40 orang pelajar antarabangsa bersetuju bahawa pengajian di universiti awam Malaysia memberi satu peluang untuk mereka merasai pengalaman kehidupan di negara tuan rumah yang terkenal dengan kekayaan adat resam dan budaya.

Jadual 4: Pengalaman Penerokaan Budaya Baru di Negara Tuan Rumah

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 1	Antarabangsa 12	Antarabangsa 18	Antarabangsa 27
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 2	Antarabangsa 13	Antarabangsa 19	Antarabangsa 28
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 3	Antarabangsa 14	Antarabangsa 20	Antarabangsa 29
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 5	Antarabangsa 15	Antarabangsa 21	Antarabangsa 30
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 6	Antarabangsa 16	Antarabangsa 22	Antarabangsa 32
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 7	Antarabangsa 17	Antarabangsa 23	Antarabangsa 33
Pelajar		Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 8		Antarabangsa 24	Antarabangsa 34
Pelajar			Pelajar
Antarabangsa 10			Antarabangsa 35
			Pelajar
			Antarabangsa 36
			Pelajar
			Antarabangsa 37
			Pelajar
			Antarabangsa 38
			Pelajar
			Antarabangsa 39
			Pelajar
			Antarabangsa 40

Pengalaman menerokai budaya di negara tuan rumah berkait rapat dengan peluang mempelajari pengetahuan baru dan mendedahkan diri dengan suasana kehidupan yang berbeza dari negara asal (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Kam, 2014; Suryandari, Jaafar dan Hamzah, 2014; Nilsson dan Umeå, 2015; Herlina *et al.*, 2017; James-MacEachern dan Yun, 2017; Cowley dan Sekasi, 2018; Irma Wani *et al.*, 2020a; 2020b; 2021a). Kesempatan untuk mengembara, diselangi dengan peluang menghargai keunikan dan kekayaan pribumi masyarakat tempatan menjadikan pengalaman tidak ternilai bagi pelajar antarabangsa yang

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions berada di Malaysia. Pelajar antarabangsa didedahkan dengan sumber budaya multi etnisiti yang boleh dikongsi dengan keluarga dan rakan taulan apabila pulang ke tanah air masing-masing. Kajian Cowley dan Ssekasi, (2018) dan Irma Wani *et al.*, (2020b) mendakwa justifikasi oleh pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian ke luar negara dikaitkan dengan elemen keterujaan untuk memperoleh pengalaman baru, mencuba kehidupan dalam budaya berbeza serta memanfaatkan peluang pendidikan berkualiti dari universiti berprestij.

Lontaran pandangan dari Pelajar Antarabangsa 7, 15, 19, 24 dan 36 menyokong faktor pendorong multi budaya masyarakat majmuk Malaysia sebagai memberi pengalaman bermakna serta mengubah lensa pemikiran tentang budaya sebagai elemen apresiasi kehidupan baru mereka (Gresham, 2013; Arkoudis dan Baik, 2014; Tian dan Lowe, 2014; Hu, 2016; Li dan Zizzi, 2018; Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2020a; 2020b; 2021a). Keunikan budaya yang dimiliki oleh masyarakat lokal sering diperlihatkan dalam aktiviti pelajar dan program kebudayaan anjuran universiti.

Pelajar Antarabangsa 15, 19 dan 24 merasakan kewujudan nilai budaya di sebuah negara harus dihargai dan dipelihara bagi generasi masa depan. Pelajar Antarabangsa 7 meluahkan rasa gembira kerana majoriti dari komuniti tempatan yang ditemui bersikap peramah, baik hati serta bersedia membantu pelajar antarabangsa sekiranya berada dalam kesusahan. Nilai-nilai murni yang ditunjukkan oleh rakyat negara ini mengubah persepsi pelajar antarabangsa terutama dalam konteks pembinaan silaturahim (Irma Wani, 2019c). Sikap tersebut menjadi teladan perpaduan tanpa prejedis terhadap warna kulit, pegangan agama dan bangsa.

Sementara itu, pandangan Pelajar Antarabangsa 7 berhubung amalan mulia yang digarap oleh komuniti tempatan sentiasa menghulurkan bantuan dan layanan mesra kepada sesiapa yang memerlukan telah menjadikan dirinya tidak janggal di persekitaran asing. Pengalaman Pelajar Antarabangsa 7 dipersembahkan sebagaimana kenyataan di bawah:

“Seperkara yang anda akan suka bila berada di negara ini adalah “attitude” masyarakat terhadap anda. Pada awal kedatangan saya ke mari saya tidak berapa menyukai cara mereka memandang saya. Dalam kotak minda saya beranggapan mereka suka menilai orang luar. Tetapi lama-kelamaan setelah bergaul dengan orang tempatan maka saya sedar mereka turut merasa teruja untuk mengenali orang luar. Mereka merupakan masyarakat yang mesra dan suka menghulurkan bantuan sekiranya kita berada dalam kesukaran. Cuma apa yang saya pelajari, orang di sini agak pemalu dan tidak akan memulakan bicara sekiranya kita tidak memulakan terlebih dahulu.” (Pelajar Antarabangsa 7)

“Kekayaan budaya di sini antara yang tidak begitu menyerlah di negara saya. Pelbagai acara kebudayaan diadakan sepanjang tahun di sini. Memandangkan masyarakat di sini merupakan masyarakat berbilang etnik kita akan sama-sama menyambut perayaan pelbagai kaum dengan begitu kerap sekali. Setahun mungkin ada 10 atau lebih perayaan yang besar dan semuanya disambut dengan cuti umum. Agak menarik kerana perkara tersebut tiada di negara-negara maju.” (Pelajar Antarabangsa 15)

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

“Saya pernah mengikuti rakan sebilik yang sama-sama menuntut di universiti in pulang ke kampung halamannya bagi meraikan Hari Gawai. Sehingga kini saya masih teruja setiap kali mengenangkan pengalaman yang saya lalui bersama masyarakat tempatan di situ. Mereka sangat mementingkan adat dan silaturahim yang dipupuk baik selama beberapa generasi. Mereka mahu mengekalkan budaya tradisi datuk nenek mereka dan itu satu perkara yang saya kagumi.” (Pelajar Antarabangsa 19)

“Kegiatan kurikulum universiti amat menarik perhatian saya apabila terdapat acara-acara kebudayaan yang melibatkan adat resam sesebuah kaum dijadikan sebagai aktiviti tahunan pelajar di universiti ini. Ia merupakan platform yang berguna kerana memberi pendedahan terhadap sesuatu kaum dan bangsa berdasarkan aspek seperti makanan, pakaian, ritual perkahwinan dan lain-lain lagi. Pendedahan itu memberi manfaat yang besar kepada kami para pelajar antarabangsa.” (Pelajar Antarabangsa 24)

“Amalan murni dipegang oleh setiap rakyat di negara ini. Mereka menghormati budaya, adat istiadat sesebuah kaum di samping bangga meraikan bersama-sama. Negara ini mempunyai ‘tagline’ yang meletakkan semuanya pada satu konsep iaitu satu negara, satu bangsa, satu bahasa. Sikap boleh menerima dan berkongsi budaya itulah kelebihan masyarakat di sini.” (Pelajar Antarabangsa 36)

Sementelahan, pernyataan yang diuar-uarkan Pelajar Antarabangsa 7, 15, 19, 24 dan 36 bahawa keputusan menyambung pengajian ke Malaysia dinilai sebagai peluang keemasan merasai pengalaman baharu di negara yang terkenal dengan multi budaya (Gresham, 2013; Arkoudis dan Baik, 2014; Tian and Lowe, 2014; Hu, 2016; Li dan Zizzi, 2018; Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2020a; 2020b; 2021a). Salah satu pemangkin untuk datang ke Malaysia ialah peluang berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan meneroka budaya baru. Hasrat tersebut lebih mudah terlaksana apabila ada keinginan mendalam mempelajari sesuatu perkara baru berhubung sesuatu budaya (Glass dan Westmont, 2014; Hirai, Frazier dan Syed, 2015; Ahmad dan Buchanan, 2017; Lee, 2017; Cowley dan Ssekasi, 2018 Irma Wani *et al.*, 2020b).

Pengalaman Mengasimilasikan Diri Dengan Budaya Universiti dan Masyarakat Kampus
Pengalaman mengasimilasikan diri dengan budaya universiti dan masyarakat kampus mempunyai pertalian dengan konsep kecerdasan budaya seseorang individu. Pemahaman berhubung elemen kecerdasan budaya mampu diutilasikan dalam menangani proses asimilasi perubahan kehidupan baru. Ia juga merujuk kepada keupayaan individu berinteraksi, meletakkan kedudukan diri secara berkesan bagi mengurangkan jurang silang budaya.

Sehubungan itu, seramai 17 dari 40 orang pelajar antarabangsa yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa adaptasi budaya sebagai proses penyesuaian tingkah laku ke dalam budaya asing di mana transformasi tersebut mampu untuk membina hubungan positif bersama masyarakat tempatan. Justeru itu, dalam konteks asimilasi budaya, penguasaan bahasa bagi memudahkan komunikasi dua hala antara masyarakat kampus harus diberi penekanan (Cao dan Meng, 2012; Gilakjani, 2015; Martirosyan, Hwang dan Wanjohi, 2015; Hasbullah, Irma Wani, Norazah, Muhammad Safuan, Herlina & Rudy Adie, 2017; Irma Wani *et al.*, 2018a;

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
 Irma Wani, Hasbullah & Norazah, 2019a; Irma Wani, Muhammad Safuan, Siti Aidah, Romzi, Abang Mohd Razif & Mohd Kamal, 2020c; Irma Wani, Mohd Kamal, Muhammad Safuan & Anna Lynn, 2021b).

Jadual 5: Pengalaman Mengasimilasikan Diri dengan Budaya Universiti dan Masyarakat Kampus

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 2	Antarabangsa 11	Antarabangsa 18	Antarabangsa 26
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 6	Antarabangsa 13	Antarabangsa 19	Antarabangsa 27
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 8	Antarabangsa 15	Antarabangsa 21	Antarabangsa 30
	Pelajar	Pelajar	Pelajar
	Antarabangsa 17	Antarabangsa 23	Antarabangsa 37
		Pelajar	Pelajar
		Antarabangsa 24	Antarabangsa 38

Keunikan multi budaya itu sendiri berakar umbi dari aspek pertuturan loghat bahasa pelajar tempatan. Kesediaan pelajar antarabangsa untuk membuka hati dan minda dalam mempelajari bahasa ibunda dan dialek tempatan boleh menawan hati masyarakat kampus serta menjadikan pengalaman tahun pertama lebih unik dan istimewa (Gresham, 2013; Glass dan Westmont, 2014; Kim, 2015; Krishna, 2016; Irma Wani *et al.*, 2017b; Li dan Zizzi, 2018). Bukan saja itu, malahan Pelajar Antarabangsa 8 dan 13 melahirkan rasa keterujaan dengan diversiti loghat bahasa tempatan yang datang dari rumpun bahasa yang sama.

“Proses asimilasi saya di universiti ini bermula dari hari pertama saya di sini. Apabila kami pelajar antarabangsa didedahkan dengan beberapa perkataan seperti ‘Selamat datang ke Malaysia’, ‘Apa khabar?’, ‘Siapa nama awak’, ‘Boleh awak bantu saya?’. Apabila kami mula berkomunikasi menggunakan bahasa tempatan secara spontan kami akan menerima reaksi yang positif. Mereka semua memberikan respon yang mesra dan turut teruja melayan kami dengan baik. Saya rasakan ianya begitu mudah untuk mengambil hati orang-orang di sini. Itu antara kualiti masyarakat di sini yang memudahkan kami mengasimilasikan diri di negara asing”. (Pelajar Antarabangsa 8)

Lanjutan dari itu, perspektif dari Pelajar Antarabangsa 19 dianggap lebih menjurus kepada asimilasi budaya sebagai sebuah proses mudah bagi dirinya apabila wujud banyak persamaan budaya negara asal dengan Malaysia (Lee dan Ciftci, 2014; Tian dan Lowe, 2014; Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Newsome dan Cooper, 2016; Lee, 2017; Irma Wani *et al.*, 2018a; 2020b). Pengalaman tersebut dapat dilihat menerusi dialog di bawah:

“Memandangkan saya berasal dari negara kejiranan, saya tidak merasakan janggal untuk menyesuaikan diri di negara ini. Cuaca, makanan dan budaya yang sama menjadikan proses adaptasi diri dengan persekitaran menjadi mudah dan cepat. Saya cepat serasi dengan masyarakat di sini. Ada kalanya saya disalah anggap berasal dari sini kerana cara pertuturan dari bahasa lingua franca yang

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
sama menyukarkan mereka membezakan saya dengan orang tempatan. Saya rasa itu salah satu kelebihan memilih untuk belajar ke luar negara yang mempunyai persamaan yang banyak dengan negara asal anda". (Pelajar Antarabangsa 19)

Namun begitu, tidak semua pandangan positif dikemukakan oleh pelajar antarabangsa berhubung dengan kelebihan budaya Malaysia. Wujud lompang kekurangan dan kelemahan yang suarakan oleh pelajar antarabangsa berhubung isu budaya negara ini. Antara kelemahan ketara adalah merujuk pembudayaan masyarakat Islam iaitu cara berpakaian pelajar perempuan yang bukan sahaja tidak mengikuti etika berpakaian mahasiswa universiti malahan lari dari sahsiah seorang Muslimah.

Berdasarkan pengalaman dari Pelajar Antarabangsa 24 yang beragama Islam dari Timur Tengah, beliau menyatakan keprihatinan terhadap segelintir pelajar perempuan yang gemar berpakaian menjolok mata dan dilakukan tanpa segan silu. Pelajar tersebut percaya bahawa pengaruh sosial media seperti *Facebook, Instagram* menjadikan pelajar tempatan terikut-ikut pengaruh barat dalam berfesyen.

"Sukar untuk saya fahami apabila melihat cara segelintir dari pelajar Islam di sini berpakaian tidak menutup aurat. Saya tahu cara berpakaian seseorang adalah perkara peribadi. Cuma persoalan yang selalu berlegar di minda saya, agama Islam merupakan agama rasmi negara ini disebabkan sebahagian besar dari populasi rakyat di sini beragama Islam bukan? Secara perbandingan dari mana saya berasal, apabila anda orang Islam maka anda bertanggungjawab untuk menutup aurat, terutamanya berhijab dengan memakai tudung. Namun di sini tidak begitu. Anda mungkin Islam tetapi anda berpakaian moden dan tidak menutup aurat. Saya rasa status negara Malaysia sebagai negara sekular itu telah banyak memberi kesan terhadap cara pemakaian Muslimah di sini. Mungkin juga pengaruh media sosial menjadikan cara pemakaian wanita Islam di sini tidak lagi menjadi suatu pegangan yang dipatuhi sepenuhnya." (Pelajar Antarabangsa 24)

Begitu juga dengan Pelajar Antarabangsa 30 yang menyuarakan pandangan mengenai kelemahan budaya menghormati hak pelajar lain. Selama ini pelajar antarabangsa sentiasa diingatkan oleh pelbagai pihak agar bijak menyesuaikan diri mereka apabila beradaptasi dengan budaya baru. Namun begitu, tatasusila golongan pelajar tempatan turut harus diberi perhatian oleh pihak universiti bagi menjamin pengekalan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua pelajar.

Senario tersebut berlaku apabila dewan kuliah yang disediakan bagi tujuan perkuliahan memuatkan bilangan pelajar terlalu ramai. Kepadatan ruang bilik kuliah menjadi tidak kondusif apabila keadaan sentiasa bising. Ini membuatkan pelajar lain merasa terganggu untuk memberi fokus semasa kuliah dijalankan.

"Saya kurang senang dengan cara pelajar tempatan di sini terutama adap mereka ketika kuliah sedang berlangsung. Mereka tanpa segan silu melakukan perkara-perkara yang kurang menyenangkan saya. Mereka suka duduk setempat bersama-sama rakan-rakan baik dan berbuat bising setiap kali kuliah berjalan. Mereka suka mengambil ruang yang banyak hanya untuk kawan-kawan yang datang lewat. Ada

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

juga segelintir yang tidak menghormati pensyarah dengan menggunakan telefon sepanjang perkuliahan dijalankan. Saya pernah menegur sikap mereka tetapi saya dijadikan bahan ketawa selepas itu. Saya rasa sikap sedemikian lebih kepada disiplin diri pelajar di sini. Mungkin pandangan saya hanyalah kes-kes terpencil sahaja tetapi yang nyata perkara tersebut mesti diambil tindakan wajar oleh pihak universiti kerana ia mengganggu pelajar seperti kami yang lebih sukakan suasana tenang ketika mengikuti kuliah.” (Pelajar Antarabangsa 30)

Pengalaman Pelajar Antarabangsa 38 dilihat seiring dengan kajian Evan (2015), di mana minat mempelajari bahasa tempatan berupaya mempertingkatkan keterampilan diri, lantas menjadi nilai tambah pelajar antarabangsa semasa berada di luar negara.

“Salah satu ‘tips’ saya untuk menyesuaikan diri dengan cepat di sini adalah mempelajari bahasa tempatan dengan cepat. Penguasaan bahasa merupakan kunci untuk anda dekat dengan masyarakat di sini. Anda menonjolkan keinginan anda untuk mempelajari bahasa ibunda anda dan percaya atau tidak anda akan menjadi terkenal dengan masa yang singkat. Semua orang yang berjumpa dengan anda akan mula mengajar anda perkataan-perkataan baru. Dari situ akan mula mendapat kawan ramai. Jadi pada masa semuanya bermula dari bahasa. Selain itu, bila anda sudah mula pandai berbahasa tempatan maka keyakinan diri timbul. Anda akan lebih disukai dan anda akan lebih mudah memahami. Proses pembelajaran menjadi semakin mudah dan semua ini membantu adaptasi anda di universiti.” (Pelajar Antarabangsa 38)

Minat, semangat dan inisiatif pelajar antarabangsa menguasai bahasa tempatan boleh dikecapi dengan bantuan komuniti tempatan dan masyarakat kampus (Gresham, 2013; Arkoudis dan Baik, 2014; Krishna, 2016; Irma Wani *et al.*, 2018a; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a). Ini disokong dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Pelajar Antarabangsa 13 melalui perkongsian pengalaman bermakna semasa beliau mempelajari dengan gigih bahasa etnik bersama teman sebiliknya sepanjang belajar di universiti.

“Semuanya bermula dengan minggu suai mesra anjuran universiti untuk semua pelajar tahun pertama di mana aktiviti yang dianjurkan melibatkan pelajar antarabangsa diberi keluarga angkat. Kami diberi peluang untuk bersama keluarga angkat yang merupakan orang tempatan. Dari situ saya mula belajar bahasa tempatan dan didedahkan dengan budaya adat resam keluarga angkat saya. Apabila memulakan pengajian di kampus, saya juga digandingkan melalui “buddy system” di mana seorang pelajar antarabangsa akan mendapat “buddy” dari kalangan pelajar tempatan. Saya rasa sistem itu sangat berkesan kerana ia membantu kami pelajar antarabangsa tidak terlalu bergantung dengan kelompok pelajar antarabangsa yang lain. Kami mempunyai jaringan kawan-kawan dari pelajar tempatan. Itu merupakan cara berkesan untuk mengasimilasikan diri di persekitaran yang baharu.” (Pelajar Antarabangsa 13)

Pengalaman Berpeluang untuk Menerokai Dunia Luar

Berdasarkan kajian oleh Ahmad dan Buchanan, (2017), James-MacEachern dan Yun, (2017), Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, (2019a) & Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b)

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions mendapati prioriti utama mobiliti golongan pelajar antarabangsa ke luar negara adalah memperoleh ijazah dari sistem pendidikan tinggi yang lebih berprestij di luar negara. Pada masa yang sama, pelajar antarabangsa mengutilasikan peluang belajar di luar negara untuk memenuhi keinginan mengembala dan menerokai dunia luar.

Jadual 6: Pengalaman Berpeluang untuk Menerokai Dunia Luar

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 1	Antarabangsa 13	Antarabangsa 19	Antarabangsa 28
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 3	Antarabangsa 14	Antarabangsa 20	Antarabangsa 29
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 5	Antarabangsa 15	Antarabangsa 21	Antarabangsa 31
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 6	Antarabangsa 16	Antarabangsa 22	Antarabangsa 32
Pelajar		Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 8		Antarabangsa 25	Antarabangsa 35
Pelajar			Pelajar
Antarabangsa 9			Antarabangsa 36
			Pelajar
			Antarabangsa 37
			Pelajar
			Antarabangsa 39

Jadual 6 menyenaraikan 23 dari 40 orang pelajar antarabangsa yang bersetuju bahawa peluang melanjutkan pengajian ke luar negara beriringan dengan peluang pengalaman menerokai dunia luar. Negara tuan rumah mempunyai keunikan nilai budaya tersendiri yang mampu menarik perhatian pelajar antarabangsa (Ho, 2015; Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Lee dan King, 2016; Hamad dan Suzanne, 2016; Lee, 2016; Chen, 2017; James-MacEachern dan Yun, 2017; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2020b). Manakala Pelajar Antarabangsa 1, 13, 25, 32 dan 37 telah melalui pengalaman yang membuka peluang menerokai dan melawat tempat-tempat menarik di negara tuan rumah Petikan seleksi dialog pelajar antarabangsa di atas seperti di bawah:

“Saya dibesarkan dalam sebuah keluarga yang suka melancong. Oleh itu saya menanam cita-cita untuk belajar ke luar negara. Malaysia merupakan salah sebuah negara teratas dalam pilihan destinasi pengajian saya. Ini kerana saya pernah melancong ke Malaysia bersama keluarga semasa saya berusia 13 tahun. Saya sangat suka dengan konsep multi budaya Malaysia yang mempunyai diversiti kaum dan sangat kaya dengan budaya. Apabila saya berjaya mendapat tempat untuk belajar di sini, salah rasa teruja kerana saya tahu yang saya mempunyai peluang untuk menerokai negara ini. saya merancang untuk melawat beberapa tempat bersejarah dan tempat yang menarik semasa cuti semester kelak.” (Pelajar Antarabangsa 1)

“Keterujaan untuk datang belajar di sini lebih kepada untuk menerokai kehidupan masyarakat Malaysia. Ramai rakan-rakan saya pernah datang belajar di sini

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

memberi maklum balas positif. Pengalaman yang mereka lalui bukan sahaja membuatkan saya mahu datang ke sini. Reputasi Malaysia sebagai negara yang aman turut menjadi faktor pemilihan saya. Saya mengharapkan pengalaman mendatang ini akan menjadi suatu pengalaman yang tidak dapat saya lupaskan. Pengalaman beberapa bulan di sini sebenarnya sudah membuka ruang untuk saya melihat perbezaan budaya dan cara penghidupan masyarakat di sini. Setakat ini saya rasa ia adalah membuka pengalaman yang menarik.” (Pelajar Antarabangsa 13)

“Saya sebenarnya tidak pun menyangka saya akan mendapat peluang belajar di sini terutama universiti awam Malaysia. Ini kerana sistem pengajian tinggi Malaysia merupakan antara sistem yang baik di Asia Tenggara. Status sebagai universiti berprestij dan mempunyai imej yang baik meletakkan universiti awam Malaysia antara universiti yang sukar dimasuki oleh pelajar antarabangsa. Namun saya bersyukur mendapat peluang belajar di sini. Selain dari kualiti pendidikan yang tinggi, saya juga beruntung pengalaman berada di sebuah universiti yang mempunyai pelbagai latar belakang pelajar antarabangsa dan juga ahli akademik ekspatriat.” (Pelajar Antarabangsa 25)

“Tidak dinafikan kebanyakan orang suka melancang jika diberi peluang. Pada saya belajar di luar negara sangat menepati maksud ‘2-dalam-1’ iaitu belajar sambil mengembara. Malaysia berada dalam kedudukan kejiranan dengan negara-negara yang menarik untuk dilawati. Selain dari berpeluang melawat tempat-tempat menarik di Malaysia, saya juga merancang untuk mengembara di Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei. Kedudukan geografi Malaysia itu sendiri memberi kelebihan untuk kami melancang ke negara berdekatan. Pada pandangan saya Malaysia merupakan negara paling ideal untuk pelajar seperti kami disebabkan keadaan politik negara yang stabil dan aman.” (Pelajar Antarabangsa 32)

“Semenjak negara saya mengamalkan dasar pintu terbuka, kebanyakan dari kami akan memastikan kami berpeluang untuk melancang ke Malaysia. Negara ini terlalu banyak perkara yang menarik untuk diterokai. Saya pernah datang bersama keluarga ke Borneo pada dua tahun lepas tetapi saya tidak puas dengan pengalaman tersebut. Justeru itu, saya bertekad untuk datang ke mari sebagai pelajar kerana ia beri peluang yang lebih panjang untuk saya berada di sini. Saya telah merancang untuk menggunakan sepenuhnya cuti semester universiti untuk mengembara bersama kawan-kawan ke tempat pelancongan menarik seperti pulau dan gunung di sini.” (Pelajar Antarabangsa 37)

Daripada refleksi informan kajian ini, majoriti pelajar antarabangsa sebulat suara bersetuju bahawa keputusan melanjutkan pengajian ke luar negara secara tidak langsung membuka peluang meneroka dunia luar yang memberikan pengalaman bermakna (Ho, 2015; Lee dan King, 2016; Lee, 2016; Chen, 2017; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b; Irma Wani *et al.*, 2020a; 2020b).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
 Oleh itu, pengembaraan pelajar antarabangsa bukan sahaja dilihat sebagai suatu bentuk keputusan yang dikaitkan dengan menuntut ilmu pengetahuan tetapi juga ianya menawarkan kesempatan lain meraih pengalaman pengembaraan di tempat yang baharu (Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Hamad dan Suzanne, 2016; James-MacEachern dan Yun, 2017; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a).

Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Konsensus Keluarga dan Saranan Rakan Sebaya

Konsensus ibu bapa dan saranan rakan sebaya merupakan antara tema sosial diketengahkan oleh Irma Wani, Hasbullah and Norazah, (2019a) dan Irma Wani *et al.*, (2020a) berhubung pengaruh ibu dan bapa serta pandangan individu paling dekat dengan diri pelajar. Lingkungan sosial dikatakan mampu memberi impak terhadap keputusan muktamad destinasi pengajian pilihan mereka (Herlina *et al.*, 2017).

Berdasarkan Jadual 7 di bawah, Pelajar Antarabangsa 6, 17, 22 dan 35 akur bahawa konsensus ibu bapa dan saranan rakan-rakan rapat adalah pengaruh dominan menyumbang kepada keputusan muktamad pelajar memilih destinasi. Seleksi dialog asal yang dibincangkan memperincikan pandangan tersebut:

Jadual 7: Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Cadangan Ibu Bapa dan Rakan

Universiti 1	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 1	Antarabangsa 11	Antarabangsa 18	Antarabangsa 27
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 2	Antarabangsa 12	Antarabangsa 19	Antarabangsa 29
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 4	Antarabangsa 13	Antarabangsa 20	Antarabangsa 30
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 6	Antarabangsa 15	Antarabangsa 22	Antarabangsa 32
Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 7	Antarabangsa 17	Antarabangsa 23	Antarabangsa 33
Pelajar		Pelajar	Pelajar
Antarabangsa 8		Antarabangsa 24	Antarabangsa 34
Pelajar			Pelajar
Antarabangsa 9			Antarabangsa 35
Pelajar			Pelajar
Antarabangsa 10			Antarabangsa 36
			Pelajar
			Antarabangsa 37
			Pelajar
			Antarabangsa 38
			Pelajar
			Antarabangsa 39
			Pelajar
			Antarabangsa 40

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Faktor kestabilan politik dan keselamatan negara tuan rumah dilihat sebagai syarat utama keluarga dalam memberikan keizinan ahli keluarga mereka melakukan mobiliti pengajian di luar negara (Irma Wani, Hasbullah, Herlina & Muhammad Safuan, 2017d; Irma Wani *et al.*, 2018b; 2020a; Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Hamid, 2021). Isu seperti diskriminasi, kadar jenayah rendah, kebebasan hak asasi dan pemahaman politik kerajaan negara tuan rumah merupakan faktor penyumbang kepada pemilihan pelajar (Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Ho, 2015; Lee dan King, 2016; Irma Wani *et al.*, 2017a).

Kebimbangan ibu bapa terhadap keputusan belajar di luar negara turut dilihat cenderung ke arah timbal balik potensi kerjaya masa depan yang lebih terjamin selepas berjaya mendapatkan ijazah (Singh, Jack dan Schapper, 2014; Hamad dan Suzanne, 2016; Lewis, 2016; Nilsson dan Ripmeester, 2016; Ahmad dan Buchanan, 2017; James-MacEachern dan Yun, 2017).

“Faktor kewangan bukanlah menjadi faktor utama keluarga saya ketika saya menyuarakan Hasrat untuk belajar ke luar negara. Ibu bapa saya menetapkan syarat bahawa destinasi pengajian yang saya pilih mestilah bertepatan dengan kehendak mereka. Bapa saya mahukan saya belajar di universiti yang mempunyai kualiti pendidikan yang tinggi. Sementara ibu saya pula mahukan saya belajar di negara yang selamat dari segi pergolakan politik dan keamanan dalam negeri. Hasil pandangan dari rakan-rakan yang pernah melanjutkan pengajian ke luar negara, nama Malaysia sentiasa berada dalam senarai itu. Apabila saya memaklumkan kepada keluarga berhubung pemilihan saya, reaksi yang saya terima sangat positif. Tiada bantahan dari ibu bapa kerana Malaysia memenuhi syarat mereka.” (Pelajar Antarabangsa 6)

Antara perkongsian pengalaman dari Pelajar Antarabangsa 17 mendakwa dia merujuk saranan rakan baik yang pernah belajar di Malaysia.

“Apa yang pasti cadangan dari rakan sebaya dan kenalan rapat antara sumber kesahihan untuk anda membuat pemilihan belajar di sesebuah negara. Ramai di antara rakan-rakan sekelas saya telah datang terlebih dahulu ke Malaysia. Itu membuatkan kerja saya menjadi lebih mudah. Kawan adalah sumber rujukan yang paling mudah dipercayai terutama apabila mereka sedang menjalani pengalaman yang sama berada di Malaysia. Saya juga mendapat saranan agar menyambung pelajaran di universiti awam Malaysia. Selain dari program yang ditawarkan bersifat komprehensif, terdapat banyak pengkategorian universiti yang tidak dapat ditawarkan oleh universiti swasta. Selain dari yuran yang lebih murah berbanding dengan universiti tempatan, keluarga turun menyarankan saya belajar di universiti awam Malaysia imej dan reputasi yang baik.” (Pelajar Antarabangsa 17)

Sebaliknya Pelajar Antarabangsa 22 mengemukakan dimensi berbeza di mana secara peribadi situasi beliau melibatkan sokongan ibu bapa yang tidak meletakkan sebarang kriteria berhubung destinasi negara pilihan.

“Saya datang dari keluarga yang tidak berpelajaran tinggi tetapi mempunyai perniagaan yang besar. Jadi soal duit bukanlah satu masalah. Apabila saya mengambil keputusan untuk belajar ke luar negara, ibu bapa saya hanya

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

menetapkan satu syarat iaitu saya tidak boleh memilih untuk belajar ke negara Barat kerana mereka lebih bimbangkan keselamatan saya. Maka pilihan Malaysia berada di antara tangga teratas selepas Singapura. Malangnya saya tidak dapat pilihan program akademik yang luas di universiti Singapura berbanding dengan Malaysia. Di sini sahaja terdapat 20 universiti awam yang mengkhusus pelbagai bidang. Justifikasi tersebut lah sebenarnya meletakkan pilihan universiti awam Malaysia sebagai pilihan terakhir saya. Keluarga turut bersetuju dengan pilihan saya". (Pelajar Antarabangsa 22)

Dalam nada yang berbeza, Pelajar Antarabangsa 35 menyatakan keputusan belajar ke luar negara datang dari cadangan ibu bapa yang mempunyai latar belakang pernah graduan dari universiti awam Malaysia. Reaksi positif dari pihak ahli keluarga apabila pelajar berjaya menempatkan diri di salah sebuah universiti penyelidikan negara ini kerana ibu bapa yakin dengan sistem pendidikan tinggi yang berkualiti (Lee dan Morrish, 2012; Pimpa, 2013; Liu & Morgan, 2016; Irma Wani, Hasbullah & Norazah, 2019a; Irma Wani *et al.*, 2020a).

"Pilihan untuk belajar ke Malaysia ini bukanlah sebenarnya pilihan sepenuhnya dari saya. Ibu bapa saya mempunyai latar belakang belajar di luar negara. Mereka yang melayari internet dan mencari universiti yang bersesuaian dengan minat saya. Saya tidak mempunyai kebebasan untuk memilih negara mana yang saya mahukan. Semuanya tergantung kepada keputusan ibu bapa saya. Walau bagaimanapun saya tetap bersyukur keran pemilihan program pengajian yang saya ikuti sekarang ini adalah bertepatan dengan minat saya. Oleh itu, saya tidak boleh menyalahkan ibu bapa malahan saya berasa bersyukur kerana mempunyai ibu bapa yang arif tentang pemilihan universiti terbaik untuk anak mereka." (Pelajar Antarabangsa 35)

Keputusan belajar di luar negara membawa kesalinghubungan transisi silang budaya dan memerlukan proses asimilasi diri pada setiap pelajar (Tian dan Lowe, 2014; Hirai, Frazier dan Syed, 2015; Newsome dan Cooper, 2016; Lee, 2017). Pelajar antarabangsa dalam kajian ini memilih keluarga dan rakan rapat sebagai sumber vital informasi sebelum membuat keputusan muktamad. Dalam konteks tersebut, struktur sosial masyarakat yang merangkumi ibu bapa dan ahli keluarga serta kenalan rapat mempunyai kesinambungan dalam menyumbang pengalaman bermakna di negara destinasi pengajian yang dipilih oleh golongan tersebut (Lee dan Morrish, 2012; Pimpa, 2013; Liu dan Morgan, 2016; Herlina *et al.*, 2017; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, (2019a).

Rumusan dan Cadangan

Pelajar antarabangsa menjalani diaspora keluar dari negara asal dan menempuh masuk ke dalam persekitaran asing dengan matlamat untuk memperoleh pengalaman baharu yang bermakna. Persekutaran budaya asing yang berbeza dari budaya asal menjanjikan pengalaman bernilai kepada golongan tersebut. Kajian ini mendapati faktor penarik kedatangan pelajar ialah disebabkan oleh keunikan budaya masyarakat majmuk yang terbentuk hasil dari identiti berbeza, terutama aspek bahasa, makanan, pakaian tradisi dan pesta perayaan. Justeru itu, tawaran melanjutkan pengajian di luar negara dijadikan sebagai peluang keemasan untuk meneroka serta melawat tempat-tempat yang menarik di Malaysia.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Perbincangan kertas kerja ini menumpukan elemen multi budaya negara tuan rumah dalam mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian. Latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara berteraskan multi etnisiti, kepercayaan dan pegangan agama yang berbeza telah meletakkan pihak universiti untuk bertanggungjawab memastikan pelajar antarabangsa tidak mengalami kejutan budaya. Hasil kajian menyarankan program silang budaya anjuran universiti mampu mengurangkan jurang budaya lantas mendedahkan pelajar lebih bersedia menempuh budaya persekitaran baru.

Implikasi hasil kajian ini telah memperlihatkan bagaimana suatu proses asimilasi silang budaya menyantuni budaya asing dan refleksi tingkah laku individu yang menghargai nilai budaya kehidupan masyarakat tempatan. Dari perpekstif pelajar, kebijaksanaan mengasimilasikan diri dengan budaya baru mampu menjamin kelestarian pelajar di negara tuan rumah. Dalam konteks kajian ini, sumbangan hasil dapatkan memperlihatkan kepentingan interaksi silang budaya yang berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa semasa membina silaturahim sesama mereka. Justeru itu keserasian interaksi silang budaya boleh dipupuk melalui komunikasi dua hala yang berkesan.

Manakala implikasi terhadap akomodasi pelajar antarabangsa semasa keberadaan di negara tuan rumah difahami sebagai proses dinamika yang melibatkan pelbagai dimensi dan tahap penyesuaian. Hasil kajian mendapat peringkat pelarasan budaya terbentuk dari keterujaan menerokai budaya baru dan rasa bangga diri berpeluang mencedok pengalaman mengembara. Seterusnya peringkat tidak bertolak ansur dan salah faham terhadap budaya baru menimbulkan kejutan budaya, keceluaran dan kemurungan memberi implikasi kurang keyakinan diri dan tidak berminat mencapai kecemerlangan prestasi akademik. Manakala, peringkat ‘rumah’ melihat pelajar mula merasa selesa dan mengambil inisiatif mempelajari norma budaya budaya baru.

Rentetan dari itu, hasil kajian turut menyarankan pelajar antarabangsa memahami konsep kecekapan budaya di mana pelajar harus prihatin dan peka untuk mengimbangi kejutan budaya. Sekiranya budaya dianggap sebagai pemangkin utama dalam mempengaruhi keputusan belajar di luar negara, maka hasil dapatan ini mensyorkan pelajar membuat pertimbangan sebelum melakukan keputusan muktamad. Penemuan baru kajian ini mampu membantu bukan sahaja pelajar antarabangsa, malahan kelompok warga asing memahami pelarasan semasa menjalani hidup tempat baru, keupayaan seseorang berinteraksi, mengaitkan dan menyesuaikan diri secara berkesan merentasi kepelbagaiannya budaya. Signifikasi asimilasi budaya diklasifikasikan sebagai antara isu vital apabila perkara berkenaan memberi implikasi diaspora pelajar ke negara pilihan mereka.

Perbincangan kertas kerja ini turut memberi penekanan terhadap pengaruh keluarga dan saranan kenalan rapat dalam menentukan destinasi pengajian. Impak pandangan keluarga dan rakan sebaya meletakkan kedudukan struktur sosial sebagai faktor dominan keputusan pemilihan universiti. Isu berhubung reputasi universiti, diversiti program yang ditawarkan, pembiayaan pengajian, faktor keselamatan negara tuan rumah adalah antara syarat pertimbangan keluarga sebelum memberi konsensus kepada pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Namun begitu, limitasi kajian ini merujuk faktor lingkungan usia pelajar antarabangsa masih muda turut menyumbang kepada faktor kurang matang dalam mengharungi kehidupan multi budaya di persekitaran asing. Manakala latar belakang pendidikan keluarga dan pendedahan sistem pendidikan negara asal turut memberi input yang berbeza. Kajian ini tidak berfokuskan kewarganegaraan informan. Hasil dapatan berkemungkinan berbeza pada informan yang berasal dari negara yang sama. Pengaruh keluarga memberi kesan besar terhadap keputusan pelajar memilih destinasi pengajian, terutama perkaitan pembiayaan pengajian yang ditanggung oleh keluarga. Justeru itu bagi pelajar yang ditanggung pengajian melalui biasiswa akan memperlihatkan hasil kajian berbeza. Begitu juga dengan tempoh masa singkat di negara tuan rumah, serta jurang budaya negara asal dengan negara tuan rumah boleh dijadikan indikator hasil pengalaman yang berbeza.

Sebagai rumusan, sumbangan penataran ilmu dalam kertas kerja ini diharapkan menjadi pengetahuan berguna bagi pelajar antarabangsa yang meletakkan elemen budaya negara tuan rumah sebagai pemangkin keputusan belajar di luar negara. Bertitik tolak dari hal ini, hasil kajian yang dibincangkan berupaya dijadikan panduan oleh pihak pengurusan sumber manusia dalam mempertingkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di universiti awam Malaysia. Latar belakang Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaiannya bangsa, agama, dan penuh dengan limpahan kekayaan budaya terhasil dari keunikian masyarakat majmuk tidak dinafikan menjadi penyumbang utama yang menyuburkan diaspora pelajar antarabangsa. Natijah, signifikasi multi budaya dan konsensus keluarga yang menjadi sebagai sandaran pembuatan keputusan belajar ke luar negara membuktikan keputusan memilih Malaysia bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh multi budaya masyarakat majmuk. Keunikian diversiti budaya Malaysia yang disulami dengan keharmonian dan disantuni oleh perpaduan telah memberi nilai tambah kepercayaan keluarga serta diri pelajar sendiri dalam menangani proses asimilasi persekitaran baru yang berbeza dari negara asal.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana geran penyelidikan *An Understanding of the Significance of Multiculturalism and Family Consensus as the Basis for Decision-Making to Study Abroad* dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Abdullah, M. C., Adebayo, A. S., & Talib, A. R. (2015). Relationship between Demographic Factors, Social Support and Sociocultural Adjustment among International Post Graduate Students in a Malaysian Public University. *Journal of Educational and Social Research*, 5(2): 87-102.
- Abd Hair Awang, Zaimah Ramli & Izzurazlia Ibrahim. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Antarabangsa ke Universiti Penyelidikan di Malaysia. *GEOGRAFIA – Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (6): 32-41.
- Ahmad, S. Z., & Buchanan, F. R. (2017). Motivation Factors in Students Decision to Study at International Branch Campuses in Malaysia. *Studies in Higher Education*, 42 (4): 651-668.
- Arkoudis, S., & Baik, C. (2014). Crossing the interaction divide between international and domestic students in higher education. *Review of Higher Education (HERDSA)*, 1:47-62.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Arthur, N., & Popadiuk, N. (2015). International Students' Wellbeing, Relationships and Quality of Life. In Marcus A. Henning, Christian Krageloh, Glenis Wong-Toi (Ed). *Student Motivation and Quality of Life in Higher Education*. By Routledge NY.
- Biserova, G. K., & Shagivaleeva, G. R. (2019). Socio-Psychological Adaptation of International Students to Learning and Professional Activities. *Space and Culture, India*, 6(5): 99-114.
- Beech, S. E. (2019). *Understanding Place: Imaginative Geographies and International Student Mobility*. In *The Geographies of International Student Mobility*. Palgrave Macmillan, Singapore: 171-198.
- Cao, C., & Meng, Q. (2012). Mapping the Paths from Language Proficiency to Adaptation for Chinese Students in a Non-English Speaker Country: An Integrative Model of Mediation. *Current Psychology*: 1-12.
- Chemsripong, S. (2019). The Determinants of International Student Movement into Thailand: Push and Pull Factors. *Theoretical Economics Letters*, 9(8): 2785-2799.
- Chen, J.M. (2017). "Three Levels of Push-Pull Dynamics Among Chinese International Students' Decision to Study Abroad in the Canadian Context", *Journal of International Students*, 7 (1): 113-135.
- Colvin, C. Fozdar, F., & Volet, S. (2012). Intercultural Interaction in University Tutorials: A Bourdieusian Analysis. *Research and Development in Higher Education: Connections in Higher education*, 35: 13
- Cowley, S. P., & Ssekasi, D. H. (2018). Motivation, Induction and Challenge: Examining The Initial Phase of International Students' Education. *Journal of International Students*, 8 (1):109-130.
- Creswell, J.W. (2013). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Dora, M.T.H., Ibrahim, N.R.D.W., Ramachandran, S.D., Kasim, A., & Saad, M.S.M. (2014). A Study on Factors that Influence Choice of Malaysian Institution of Higher Learning for International Graduate Students. *Journal of Human Capital Development*, 2 (1): 105-113.
- Eriksson, P., & Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Evan L. (2015). International Students as a Resource for Internationalization of Higher Education. *Journal of Studies in International Education*, 18 (4): 305-324.
- Falcone, S. (2017). International Students' Recruitment: Trends and Challenges. *Journal of International Students*, 7 (2): 246-256.
- Flick, U. (2014). *An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.)*. SAGE, London.
- Gabel, R.S, Dolen, S. L., & Cerdin, J. L. (2013). Emotional Intelligence as Predictor of Cultural Adjustment for Success in Global Assignment. *Career Development International*. 10 (5): 375-395.
- Gilakjani. (2015). *The Significance of Pronunciation in English Language Teaching*. English Language Teaching, 5 (1): 96.
- Glass, C. R., & Westmont, C. M. (2014). Comparative Effects of Belongingness on the Academic Success and Cross-Cultural Interactions of Domestic and International Students. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 106-119.
- Gresham, R. (2013). Interaction between International Students and Local Communities. *Journal of the Australia and New Zealand student services Association*, 21: 20-34.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Hamad Alghamdi & Suzanne Otte. (2016). The Challenges and Benefits of Study Abroad.

International Journal of Humanities and Social Science, 6 (5).

Hasbullah, A., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Herlina, J., dan Rudy Adie, R. (2017). Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society. 11*(2017):77-85.

Herlina, J., Irma Wani. O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society. 12*(2018):139-147.

Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., & Rudy Adie, R. (2017). Factors Influencing International Student's Decision in Choosing Study Destination Abroad. *Labuan e-Journal of Muamalat and Societ. 11*(2017): 86-97.

Hirai, R., Frazier, P., & Syed, M. (2015). Psychological and Sociocultural Adjustment of First-Year International Students: Trajectories and Predictors. *Journal of Counselling Psychology, 62* (3):438.

Ho, H.-F. (2015). Place Strategy in School Marketing: Location, Timing, and Physical Evidence. *Review of European Studies, 7* (7): 60-68.

Hu, D., et al., (2016). International Students in Chinese Higher Education: Choices, Expectations, and Experiences. In: Bista, K., Foster, C. (Eds.), *Global Perspectives and Local Challenges Surrounding International Student Mobility*. IGI Global, Hershey, PA: 153-178.

Hwang, E., Martirosyan, N., & Moore, G. (2016). A Review of Literature on Adjustment Issues of International Students: Recommendations for Future Practices and Research. in Bista, K., and Foster, C. (eds.), *Global perspectives and local challenges surrounding international student mobility* (pp: 223-242). Hershey, PA: IGI Global.

Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa & Halina Sandera Mohd Yakin. (2021a). The Health Enhancement Impact of Self Assimilation in Academic Achievement Amongst International Students in Malaysian Public Universities. *Sys Rev Pharm. 12*(3): 540-551.

Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Muhammad Safuan Yusoff & Anna Lynn Abu Bakar. (2021b). Career Verdure and Wellness Signification Among Academic Expatriate Members of Malaysian Private University. *Linguistica Antverpiensia, 2021* (1): 420-437.

Irma Wani Othman. (2021d). Konfigurasi Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).

Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020a). The Influence of Culture and Family Towards the Decision to Pursue Study Abroad: A Case Study of Malaysian Public Universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/ Egyptology, 17*(6):10688-10714.

Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Syamsul Azizul Marinsah, Saifulazry Mokhtar, Habibah Artini @ Ramlie, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020b). Strategi Akulturasi dan Hasil Pembudayaan Berbeza dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management. 5* (21): 123-142.

Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Siti Aidah Lukin @ Lokin, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Mohd Kamal Mohd Shah. (2020c). Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication.* 5 (21): 138-159.

- Irma Wani Othman, Hasbullah Bin Awang & Norazah Mohd Suki. (2019a). First Year International Students' Experience in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2): 23-38.
- Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Norazah Mohd Suki. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2): 185-200.
- Irma Wani Othman. (2019c). Diaspora Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Irma Wani, O., Herlina, J., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018a). Social Factors Influencing International Student's Decision In Choosing Universiti Malaysia Sabah As A Study Destination. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8): 87-97.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2018b). Implications of International Students Expatriation on the Improvement Life Quality on the Host Country. *International Journal of Law, Government and Communication*. 3(7): 40-52.
- Irma Wani, O., Herlina, J., Hasbullah, A., & Muhammad Safuan, Y. (2017a). Political Factor Acts in Influencing International Student's Decision of an Education Destination in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 2(3): 08-13.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., & Herlina, J. (2017b). Socioculture Influence among International Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Information System and Technology Management*. 2(3): 01-06.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2017c). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 98-108.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Herlina, J., and Muhammad Safuan, Y. (2017d). Universiti Malaysia Sabah as a Study Destination among International Students. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 2(3):01-08.
- James-MacEachern, M., & Yun, D. (2017). "Exploring Factors Influencing International Students' Decision to Choose a Higher Education Institution: A Comparison between Chinese and Other Students". *International Journal of Educational Management*, 31 (3): 343-363.
- Kam Soon Leng. (2014). *Penilaian Persepsi Pelajar Antarabangsa Tentang Pengalaman Pembelajaran di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025-Pdf*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya. Diakses pada 15 Oktober 2020.
- Khanal, J., & Gaulee, U. (2019). Challenges of International Students from Predeparture to Post-Study: A Literature Review. *Journal of International Students*, 9(2): 560-581.
- Kim, Y.Y. (2015). Communication and Cross-Cultural Cultural Adaption: An Integrative Theory. The University of Michigan.
- Krishna Bista. (2016). International Students' Social Network: Network Mapping to Friendship Formation and Student Engagement on Campus. *Journal of International Students*, Online 6 (1), ISSN: 2162-3104 Print/ ISSN: 2166-3750.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Ladum, A., & Burkholder, G., (2019). Cultural Distance, Acculturative Stress, Functional Social Support, and Psychological Adaptation of International Students. *Higher Learning Research Communications*, 9(1).
- Lee, C. S. (2017). On the Cognitive Benefits of Cultural Experience: Exploring the Relationship Between Studying Abroad and Creative Thinking. *Applied Cognitive Psychology*, 26 (5): 768-778.
- Lee, C.-F., & King, B. (2016). International students in Asia: Travel Behaviors And Destination Perceptions. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 21 (4): 457-476.
- Lee, S.W. (2016). "Circulating East to East: Understanding the Push-Pull Factors of Chinese Students Studying in Korea", *Journal of studies in international education*, 21 (2): 170-190.
- Lee, J., & Ciftci, A. (2014). Asian International Students' Sociocultural Adaptation: Influence of Multicultural Personality, Assertiveness, Academic Self-Efficacy, and Social Support. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 97-105.
- Lee, M. N. N. (2014). Global Trends, National Policies and Institutional Responses: Restructuring Higher Education in Malaysia. *Educational Research for Policy and Practices*, 3: 31-46.
- Lee, C.K.C., & Morrish, S.C. (2012). Cultural Values and Higher Education Choices: Chinese Families. *Australasian Marketing Journal*. 20: 59-64.
- Li, J., Xie, P., Ai, B., & Li, L. (2020). Multilingual Communication Experiences of International Students During The COVID-19 Pandemic. *Multilingual*, 39(5), 529-539.
- Li, S., & Zizzi, S. (2018). A Case Study of International Students' Social Adjustment, Friendship Development, and Physical Activity. *Journal of International Students*, 8 (1): 389-408.
- Liu, D., & Morgan, W. J. (2016). Students' Decision-Making About Postgraduate Education at G University in China: The Main Factors and the Role of Family and of Teachers. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 25 (2): 325-335.
- Lewis, W. (2016). Study Abroad Influencing Factors: An Investigation of Socio-Economic Status, Social, Cultural, and Personal Factors. *The Undergraduate Research Journal at the University of Northern Colorado*, 5 (3).
- Macionis, N., Walters, G., & Kwok, E. (2019). International Tertiary Student Experience in Australia: A Singaporean perspective. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 25: 100-174.
- Martirosyan, N. M., Hwang, E., & Wanjohi, R. (2015). Impact of English Proficiency on Academic Performance of International Students. *Journal of International Students*, 5 (1): 60-71.
- Morrell, D., Ravlin, L., Ramsey, J. R., & Ward, A. K. (2013). Experience, Cultural Intelligence, and Satisfaction with International Business Studies. *Journal of Teaching in International Business*.
- Naeeni, N. V., Zuria Mahmud, Amla Mohd Salleh, Salleh Amat, Maros, M., & Morgan, M. M. (2015). Psycho-Educational Support Groups and International University Student Adjustment in Malaysia: A Qualitative Inquiry. *Australian Journal of Social Science*, 1(1): 20-33.
- Nicholls, S. (2018). Influences on International Student Choice of Study Destination: Evidence from the United States. *Journal of International Students*, 8 (2): 597-622.
- Nilsson, P. A., & Ripmeester, N. (2016). International Student Expectations: Career, Opportunities and Employability. *Journal of International Students*, 6 (2): 614-629.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Nilsson, P.A., & Umeå universitet. (2015). "Expectations and Experiences of Inbound Students: Perspectives from Sweden". *Journal of International Students*, 5 (2): 161-174.
- Nerlich, S. (2020). Outcomes-focused Evaluation of Study Abroad Experiences. *Journal of Higher Education Policy and Management*: 1-16.
- Newsome, L.K., & Cooper, P. (2016). International Students' Cultural and Social Experiences in a British University: "Such a hard life [it] is here". *Journal of International Students*, 6 (1): 195-215.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Hamid, J. A. (2021a). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Keber tanggungjawaban Universiti dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekutuan Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23): 23-41.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Muis, A. M. R. A. (2021b). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (*Worldview*): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23): 85-103.
- Pawar, S. K., Dasgupta, H., & Vispute, S. (2019). Analysis of Factors Influencing International Student Destination Choice: A Case of Indian HE. *Journal of Further and Higher Education*, 1-13.
- Pimpa, N. (2013). The Influence of Family on Thai Students' Choices of International Education. *International Journal of Educational Management*, 17 (5): 211-219.
- Peng, R. Z., & Wu, W.P. (2019). Measuring Communication Patterns and Intercultural Transformation of International Students in Cross-Cultural Adaptation. *International Journal of Intercultural Relations*, 70: 78-88.
- Podymov, N.A., Sorokina, G.A., Litvinenko, N.A., Kurnykina, O.V., Fabrikov, M.S., Maleko, E.V., Novitskaya, L.Y., & Novitskaya, L.Y. (2019). Study on Cross-Cultural Interaction Competency Development of International Students: Permanent Nature of Cultural Archetype. *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, 10(S1): 162-171.
- Rakhshandehroo, M., & Ivanova, P. (2020). International Student Satisfaction at English-Medium Graduate Programs in Japan. *Higher Education*, 79(1): 39-54.
- Sana Anwar Lashari, Amrita Kaur & Rosna Awang-Hashim. (2018). Home away from home – The role of social support for International Students' adjustment. *Malaysians Journal of Learning and Instruction*, 15 (2): 33-54.
- Sawir, (2014). Loneliness and International Students: An Australian Study. *Journal of Studies in International Education*, 12 (1): 148-180.
- Seidman, I. (2006). Interviewing as Qualitative Research: *A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd Ed.). Teachers College Press.
- Sinanen, J., & Gomes, C. (2020). 'Everybody Needs Friends': Emotions, Social Networks and Digital Media in The Friendships of International Students. *International Journal of Cultural Studies*, 23(5): 674-691.
- Singh, J. K. N., Jack, G., & Schapper, J. (2014). Factors That Contribute to Academic Success of International Students: A Literature Review. *Bulletin of Higher Education Research*, 19: 4-6.
- Sittisom, W. (2020). Developing Educational Infrastructure: Role of Governmental

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Scholarships, Technical Training Availability and R&D in Education. *Journal of Security and Sustainability Issues*, 9.
- Smith, C. (2020). *International Students and Their Academic Experiences: Student Satisfaction, Student Success Challenges, and Promising Teaching Practices*. In Rethinking Education Across Borders (pp. 271-287). Springer, Singapore.
- Smith, R. A., & Khawaja, N. G. (2014). A Group Psychological Intervention to Enhance the Coping and Acculturation of International Students. *Advances in Mental Health*, 12 (2): 110-124.
- Suryandari, R., Jaafar, M., & Hamzah, N. (2014). Mengantarabangsakan Ruang Pendidikan Tinggi Malaysia: Pengalaman. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (3): 60
- Thomas, F., & Sumathi, G. N. (2016). Acculturative Stress and Social Support among the International Students: An Empirical Approach. *Global Management Review*, 10 (3): 61-72.
- Tian, M., & Lowe, J. A. (2014). Intercultural Identity and Intercultural Experiences of American Students in China. *Journal of Studies in International Education*, 18 (3): 281 – 297.
- UNESCO. (2015). *Global flow of tertiary-level students*. Diakses daripada <http://www.uis.unesco.org/Education/Pages/international-student-flow-viz.aspx>. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Universiti kebangsaan Malaysia. (2015). *UKM akan tingkatkan pengambilan pelajar siswazah berbanding pra-siswazah pada nisbah 50:50 menjelang 2015*. <http://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2010/julai-2010/ukm-akan-tingkatkan-pengambilan-pelajar-siswazah-berbanding-pra-siswazah-pada-nisbah-5050-menjelang-2015/>. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Van Mol, C. (2019). Integrating International Students in Local (Student) Communities. A Theory-To-Practice Perspective. *Journal of Comparative and International Higher Education*, 11 (Winter): 14-17.
- www.astroawani.com. (2017). Penarafan Subjek Bukti Universiti Tempatan antara yang Terbaik di Dunia. Diakses Pada 10 Oktober 2020.
- www.bharian.com.my. (2017). Malaysia Mampu Berperanan sebagai Hub Pendidikan Global. Diakses pada 15 Oktober 2018.
- www.bharian.com.my. (2017). Negara Luar Yakini Kualiti Pendidikan Kita. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- www.nst.com.my. (2017). KL Top 50 in QS Best Student Cities. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Wen, W., & Hu, D. (2019). The Emergence of a Regional Education Hub: Rationales of International Students' Choice of China as The Study Destination. *Journal of Studies in International Education*, 23(3): 303-325.
- Yan, K. (2017). Chinese International Students in the United States: Adjustment Problems and Coping Behaviors. *Chinese International Students' Stressors and Coping*. Singapore: Springer.
- Zhou, J. (2015). International Students' Motivation to Pursue and Complete a Ph.D. in the U.S. *The International Journal of Higher Education Research*, 69 (5): 719–733.